

01 MAY 2002

Mahathir-Pekerja

MALAYSIA PERLUKAN PEKERJA BERILMU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia perlu menjadi pekerja berilmu untuk mengharungi era globalisasi dan membawa kemajuan yang lebih kepada negara.

"Ilmu adalah penting dalam sesuatu tamadun manusia dan jika ilmu tidak diperolehi, negara tidak akan maju. Malah ia akan dijajah oleh orang luar," kata Perdana Menteri pada perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara, Bukit Kiara di sini hari ini.

Tema Hari Pekerja tahun ini ialah "Pekerja Berilmu Negara Maju".

Dr Mahathir berkata jika pekerja Malaysia tidak berilmu, mereka akan membuat keputusan atau penilaian tentang sesuatu masalah dengan menggunakan emosi.

"Bila kita berilmu, keputusan kita akan lebih bernas dan memberi kepentingan kepada semua pihak...kerajaan, majikan dan pekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu mengejar ilmu "hingga ke liang lahad" dan dalam dunia globalisasi ini, pekerja darinegara ini perlu berjaga-jaga jika mereka tidak ingin melihat kemerdekaan negara dan maruah bangsa tergadai.

"Inilah yang kita hendak elakkan, dan semua pihak harus faham bahawa keputusan kerajaan dibuat setelah kepentingan mereka diambil kira," katanya.

Perdana Menteri berkata kemajuan sesuatu negara tidak mempunyai apa-apa makna jika rakyat tidak menikmati hasil daripada kemajuan itu.

Katanya golongan pekerja mempunyai satu senjata yang amat kuat dan berkesan iaitu mogok, yang boleh digunakan bertujuan menekan kerajaan untuk kepentingan mereka.

"Tetapi senjata hanya baik jika ianya digunakan untuk kebaikan dan bukan sebaliknya," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata pekerja di Malaysia tidak menggunakan senjata mogok tetapi bersedia berunding untuk menyelesaikan apa juga masalah, dan semangat musyawarah ini tidak terhad kepada golongan pekerja sahaja tetapi turut dikongsi oleh majikan dan kerajaan.

Dr Mahathir berkata pekerja, majikan dan kerajaan mesti bekerjasama memandangkan mereka saling bergantung untuk memajukan negara.

Mereka juga tidak patut membuat keputusan mengikut emosi, perasaan marah, unsur perkauman atau bersikap konfrontasi kerana cara-cara ini tidak akan membuahkan hasil.

"Di negara Barat, masalah diselesaikan dengan cara siapa kuat dia betul. Tetapi di Malaysia, kita mementingkan hubungan antara kerajaan, majikan dan pekerja," katanya.

Perdana Menteri berkata ketiga-tiga pihak itu memainkan peranan penting untuk memajukan negara dan hasilnya pula perlu diagihkan kepada mereka secara adil.

Menyentuh isu globalisasi, Dr Mahathir berkata dalam era ini, ada pihak yang menggunakan modal sebagai senjata untuk menakluk dunia dan dalam proses itu mereka memaksa negara membangun, menggadaikan kemerdekaan masing-masing.

"Bila modal masuk ianya baik tetapi bila ianya keluar, negara lumpuh dan menghadapi kesukaran. Ini berlaku kepada Malaysia pada 1997. Kita kehilangan US\$250 bilion dan mereka fikir kita tidak patut halang mereka. Bila kita halang mereka, mereka mengecam kita," katanya.

Dr Mahathir berkata globalisasi merupakan satu cara untuk menjajah

sesebuah negara dengan ekonomi negara terbabit digunakan sewenang-wenangnya untuk mengaut keuntungan.

"Kalau mereka untung, ia baik untuk kita. Tetapi kalau mereka rugi dalam perniagaan di negara kita, mereka akan gulung tikar dan lari ke negara lain dan pekerja kita pula akan hilang pekerjaan," katanya.

-- BERNAMA

SR MAM MAI